



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 4 JUN 2025

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BEKALAN TERNAKAN UNTUK KORBAN CUKUP, NEGARA, KOSMO – 11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	BEKALAN TERNAKAN CUKUP UNTUK AIDILADHA, NASIONAL, SINAR HARIAN – 7	
3.	KERAJAAN SEDIA RM7 JUTA NAIK TARAF SISTEM PENGAIRAN PADI, NASIONAL, SINAR HARIAN – 10	
4.	38,804 LEMBU, KERBAU DIBEKALKAN DI SELURUH NEGARA, LOKAL, HARIAN METRO – 13	
5.	SUFFICIENT LIVESTOCK FOR AIDILADHA RITES, NATIONAL, THE SUN – 4	
6.	RM7 JUTA DANA NAIK TARAF SISTEM PENGAIRAN PADI, NASIONAL, BERITA HARIAN – 9	
7.	DEPT: FISHERIES INDUSTRY A VITAL PART OF FOOD SECTOR, NATION, THE STAR – 11	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8.	HASIL PERIKANAN LAUT CECAH 1.42 JUTA TAN METRIK TAHUN LALU, LOKAL, HARIAN METRO - 17	
9.	BOUNTIFUL YIELDS FROM MARINE FISHERIES IN 2024, NATIONAL, THE SUN - 4	
10.	KEMARAU TAK JEJAS TANAMAN DI KELANTAN, LOKAL, HARIAN METRO – 7	LAIN-LAIN
11.	HARGA LEMBU KEKAL BERI KELEGAAN SAMBUT AIDILADHA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 29	
12.	OVER 60 TURTLES RELEASED INTO THE SEA, NATION, THE STAR – 8	
13.	SELESEMA BURUNG, ANCAMAN PANDEMIK SETERUSNYA?, GLOBAL, SINAR HARIAN – 33	
14.	CUACA PANAS LUAR BIASA DI MACHANG, KUALA KRAI, NASIONAL, BERITA HARIAN – 9	
15.	PENDUDUK ORANG ASLI GUA MUSANG TERIMA BANTUAN BERAS, NASIONAL, BERITA HARIAN - 9	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2025	KOSMO	NEGARA	11

Bekalan ternakan untuk korban cukup

- Jumlah lembu, kerbau untuk ibadah korban 38,804 ekor
- 27 rumah sembelih milik DVS sedia beroperasi

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA – Bekalan ternakan untuk sambutan Hari Raya Aidiladha yang disambut pada Sabtu ini dijangka mencukupi dan dapat memenuhi permintaan di seluruh negara.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)

dalam satu kenyataan berkata, mengikut statistik Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), stok bekalan lembu dan kerbau tempatan sehingga Mac lalu ialah 35,581 ekor.

Katanya, bekalan lembu dan kerbau yang diimport sehingga Mac lalu pula ialah sebanyak 3,223 ekor.

"Jumlah keseluruhan bekalan untuk lembu dan kerbau bagi tujuan korban adalah 38,804 ekor.

"Bagi kambing dan bebiri pula, stok bekalan tempatan sehingga Mac adalah 26,845 ekor, manakala bekalan kambing dan bebiri yang diimport sehingga Mac lalu ialah sebanyak 3,322 ekor," katanya.

“

Mengambil kira keperluan masjid, surau dan rumah sembelih, anggaran permintaan lembu serta kerbau untuk korban dijangka sebanyak 34,451 ekor, manakala permintaan bagi kambing dan bebiri sebanyak 22,453 ekor.”

Jumlah keseluruhan bekalan untuk kambing dan bebiri bagi tujuan korban ialah 30,167 ekor.

"Mengambil kira keperluan masjid, surau dan rumah sembelih, anggaran permintaan lembu serta kerbau untuk korban dijangka sebanyak 34,451 ekor, manakala permintaan bagi kambing dan bebiri sebanyak 22,453 ekor.

"Justeru, jumlah keseluruhan bekalan ternakan dianggarkan mencukupi bagi menampung permintaan sembelihan bagi tujuan korban tahun 2025," katanya.

Selain itu, sebanyak 27 buah rumah sembelih milik DVS di seluruh Semenanjung sedia untuk

beroperasi bagi tujuan penyembelihan haiwan korban.

"Di samping itu, DVS juga telah mengeluarkan lesen kepada 40 buah rumah sembelih swasta di seluruh Semenanjung yang boleh memberi perkhidmatan penyembelihan bagi tujuan korban.

"Selain itu, bagi tujuan penyembelihan korban yang ingin dijalankan di luar rumah sembelih seperti di masjid, sekolah, taman perumahan, tempat awam dan lain-lain, permohonan permit penyembelihan luar yang disertakan dengan dokumen berkaitan diperlukan bagi mendapatkan kebenaran," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	7

Bekalan ternakan cukup untuk Aidiladha – KPKM

PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan bahawa bekalan ternakan bagi sambutan Hari Raya Aidiladha tahun ini adalah mencukupi untuk menampung permintaan di seluruh negara.

Menurut kementerian itu, statistik Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menunjukkan jumlah keseluruhan bekalan lembu dan kerbau sehingga Mac 2025 adalah sebanyak 38,804 ekor.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 35,581 ekor merupakan ternakan tempatan manakala 3,223 ekor adalah yang diimport.

Bagi kambing dan bebiri pula, jumlah bekalan yang direkodkan ialah 30,167 ekor, merangkumi 26,845 ekor ternakan tempatan dan 3,322 ekor diimport.

“Anggaran permintaan sempena ibadah korban tahun ini adalah sebanyak 34,451 ekor lembu atau kerbau dan 22,453 ekor kambing atau bebiri.

“Justeru, jumlah keseluruhan bekalan ternakan adalah dianggarkan mencukupi bagi menampung per-

mintaan sembelihan korban tahun 2025,” kata KPKM dalam satu kenyataan pada Selasa.

Dalam masa sama, KPKM berkata, sebanyak 27 buah rumah sembelih milik DVS di seluruh Semenanjung Malaysia bersedia untuk beroperasi sempena musim korban kali ini.

Selain itu, sebanyak 40 buah rumah sembelih swasta turut diberi lesen oleh DVS untuk menjalankan penyembelihan bagi tujuan sama.

Mengulas lanjut, kementerian itu memaklumkan bahawa penyembelihan di lokasi selain rumah sembelih seperti masjid, sekolah, taman perumahan atau tempat awam masih dibenarkan, namun perlu mendapatkan permit khas daripada pihak berkuasa.

“Permohonan permit penyembelihan luar perlu disertakan dengan dokumen-dokumen yang berkaitan bagi mendapatkan kebenaran.

“Orang ramai juga digalakkan untuk merujuk kepada Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban yang telah dikeluarkan oleh DVS sebagai panduan asas,” ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

Kerajaan sedia RM7 juta naik taraf sistem pengairan padi

BAGAN SERAI - Sebanyak RM7 juta diperuntukkan bagi projek naik taraf kemudahan infra bagi meminimumkan kesan kemarau yang mampu menjejaskan pengeluaran padi di beberapa kawasan utama di seluruh Malaysia.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, tumpuan akan terarah kepada sistem pengairan yang menjadi sumber utama kepada tanaman berkenaan.

"Ia lebih kepada kerja untuk memastikan saluran-saliran

air itu berfungsi dan mampu mengalirkan air ke petak-petak sawah walaupun kuantitinya sedikit berkurangan daripada sediakala.

"Langkah ini juga antara cara kita untuk meminimumkan kesan sampingan yang mungkin berlaku terhadap pendapatan para pesawah, khususnya ketika musim kemarau," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Penyerahan Jentera dan Peralatan Pertanian Peringkat Negeri Perak 2025 di Dewan Dato' Zainal Abidin Zin, di sini pada Selasa. - *Bernama*



Arthur Joseph (lima dari kanan) menyampaikan serahan bantuan pada Majlis Penyerahan Jentera dan Peralatan Pertanian Peringkat Negeri Perak 2025 di Bagan Serai pada Selasa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2025	HARIAN METRO	LOKAL	13

Putrajaya: Sebanyak 38,804 lembu dan kerbau dibekalkan di seluruh negara untuk ibadah korban pada Aidiladha tahun ini.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan semalam memaklumkan jumlah keseluruhan bekalan untuk kambing dan bebiri pula sebanyak 30,167 ekor.

"KPKM menjangkakan bekalan ternakan untuk sambutan Aidiladha di seluruh Malaysia tahun ini adalah mencukupi dan dapat memenuhi permintaan," katanya.

KPKM memaklumkan anggaran permintaan bagi lembu dan kerbau untuk ibadah korban adalah 34,451 ekor manakala kambing dan bebiri sebanyak

IBADAH KORBAN

38,804 lembu, kerbau dibekalkan di seluruh negara

22,453 ekor.

Menurut kenyataan itu, jumlah anggaran berkenaan selepas mengambil kira keperluan masjid, surau dan rumah sembelih.

"Mengikut statistik Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), stok bekalan lembu dan kerbau tempatan sehingga Mac lalu adalah seba-

nyak 35,581 ekor manakala lembu dan kerbau yang diimport

3,223 ekor.

"Bagi kambing dan bebiri, terdapat 26,845 ekor stok bekalan tempatan dan 3,322 ekor lagi diimport," katanya.

KPKM memaklumkan DVS turut mengeluarkan lesen kepada 40 rumah sembelih swasta untuk mengendalikan sembelihan korban se-

lain 27 rumah sembelih milik DVS.

"Bagi penyembelihan

korban di luar rumah sembelih seperti di masjid, sekolah, taman perumahan dan lain-lain tempat, permohonan permit penyembelihan luar yang disertakan dengan dokumen berkaitan diperlukan bagi mendapatkan kebenaran.

"Orang ramai juga digalakkan untuk merujuk kepada Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban yang dikeluarkan DVS sebagai panduan asas dalam melaksanakan aktiviti penyembelihan ternakan korban," katanya.

DVS turut mengeluarkan lesen kepada 40 rumah sembelih swasta

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2025	THE SUN	NATIONAL	4

Sufficient livestock for Aidiladha rites

PUTRAJAYA: A total of 38,804 cows and buffaloes, along with 30,167 goats and sheep, will be available for *ibadah korban* (sacrificial rituals) during Aidiladha, according to the Agriculture and Food Security Ministry.

The ministry yesterday said the estimated demand for sacrificial rituals is 34,451 cows and buffaloes, and 22,453 goats and sheep.

It expects the livestock supply for this year's Aidiladha celebration across Malaysia to be sufficient.

Based on statistics from the Veterinary Services Department as of March, the local supply of cows and buffaloes stands at 35,581, with an additional 3,223 being imported.

"For goats and sheep, local stocks amount to 26,845, supplemented by 3,322 imported animals," the ministry added.

It said for the purpose of sacrificial slaughter during the Aidiladha celebration this Saturday, the department has issued licences to 40 private abattoirs across Peninsular Malaysia, in addition to operating 27 government-run facilities.

It said individuals intending to conduct slaughter in mosques, schools, residential areas or other public spaces are required to obtain a slaughter permit and submit the necessary documentation. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	9

RM7 juta dana naik taraf sistem pengairan padi

Bagan Serai: Sebanyak RM7 juta diperuntuk bagi projek naik taraf kemudahan infrastruktur bagi meminimum kesan kemarau yang mampu menjejaskan pengeluaran padi di beberapa kawasan utama di seluruh Malaysia.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup, berkata tumpuan akan terarah kepada sistem pengairan yang menjadi sumber utama kepada tanaman berkenaan.

"La lebih kepada kerja untuk memastikan saluran air itu berfungsi dan mampu mengalirkan air ke petak sawah, walaupun kuantitinya berkurangan sedikit daripada sebelum ini.

"Langkah ini juga antara cara

kita untuk meminimum kesan sampingan yang mungkin berlaku terhadap pendapatan pesawah, khususnya ketika musim kemarau," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Penyerahan Jentera dan Peralatan Pertanian Peringkat Negeri Perak 2025 di sini, semalam.

Kelmarin Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dalam kenyataan memaklumkan enam kawasan di Semenanjung kini berada pada Tahap 1 (berjaga-jaga) selama tiga hari berturut-turut berikutan cuaca panas yang berterusan.

Antara kawasan yang terbit ialah Larut dan Matang, Kuala Kangsar serta Perak Tengah di Perak; Machang dan Kuala Krai di Kelantan serta Bandar

Baharu di Kedah.

Dalam perkembangan lain, Arthur berkata pihaknya akan mempertingkat kerjasama dengan agensi berwajib bagi membendung kegiatan penyeludupan lembu dari Thailand yang dikuatiri boleh menjejaskan keselamatan makanan negara.

Beliau berkata, bagaimana pun penguatkuasaan terhadap individu yang terbit dalam kegiatan itu tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

"Sesi libat urus secara menyeluruh antara kerajaan negeri dengan Persekutuan amat diperlukan untuk menyelaras undang-undang supaya tidak berlaku percanggahan yang boleh mengugat biosekuriti makanan negara," katanya. BERNAMA



Projek naik taraf sistem pengairan pastikan saluran air berfungsi dan mampu mengalirkan air ke petak sawah dengan berkesan. (Foto hiasan)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2025	THE STAR	NATION	11

Dept: Fisheries industry a vital part of food sector

PUTRAJAYA: Malaysia's marine fisheries production reached 1.42 million tonnes last year, supported by 112,344 marine fishermen, while aquaculture yielded 510,315 tonnes from 20,557 farmers, says the Fisheries Department.

It said that 9,565 inland fishermen contributed 7,497 tonnes last year, adding that the overall fisheries industry contributed 0.7% to Malaysia's gross domestic product.

The department noted that total

production reached 1.94 million tonnes, valued at RM17.9bil.

"Malaysians consume an average of 44.7kg of fish per person annually, more than double the global average of 19kg," it said, Bernama reported.

The country's fish self-sufficiency rate stood at a high 90.7%, underscoring fish as the primary source of animal protein in the Malaysian diet.

In a statement marking the 25th anniversary of its collaboration with WorldFish yesterday,

the department said the partnership has enhanced technical expertise, driven innovation and bolstered Malaysia's position as a global leader in the aquatic food sector.

"Among the major milestones of this collaboration is the successful implementation of the Genetic Improvement of Farmed Tilapia, which has positioned Malaysia as a global hub for the species," it said.

The initiative has enhanced the resilience and productivity of tilapia, contributing significantly to

national food security and aligning with Sustainable Development Goal 2: Zero Hunger.

The department also reaffirmed its commitment to strengthening ties with WorldFish through the adoption of new technologies, development of hardier fish breeds, empowerment of fishing communities and small-scale entrepreneurs, as well as promotion of sustainable aquaculture practices in line with global standards.

Hasil perikanan laut cecah 1.42 juta tan metrik tahun lalu

Putrajaya: Sektor maknan akuatik Malaysia terus berkembang pesat dengan hasil perikanan laut men- cecah 1.42 juta tan metrik, akuakultur menghasilkan 510,315 tan metrik manakala perikanan darat men- catatkan 7,497 tan metrik pada tahun lalu.

Jabatan Perikanan Mala- ysia dalam kenyataan se- malam memaklumkan sek- tor berkenaan disokong oleh 112,344 nelayan laut, 20,557 penternak akuakultur dan 9,565 nelayan darat.

Industri perikanan me- nyumbang 0.7 peratus ke- pada Keluaran Dalam Ne- gara Kasar (KDNK) dengan jumlah pengeluaran kese- luruhan sebanyak 1.94 juta tan metrik bernilai RM17.9 bilion.

"Purata penggunaan ikan per kapita rakyat Malaysia ialah 44.7 kilogram (kg) se- tahun, jauh melebihi pu- rata global sebanyak 19 ki- logram (kg).

"Kadar Sara Diri (SSR) negara bagi ikan adalah tinggi tahun lalu iaitu 90.7 peratus, menjadikan ikan

sebagai sumber utama pro- tein haiwan dalam diet ra- kyat Malaysia," katanya.

Dalam kenyataan sama yang dikeluarkan berse- mena dengan ulang tahun ke-25 kerjasama strategik antara Jabatan Perikanan dengan WorldFish, jabatan

itu memaklumkan WorldFish memainkan pe- ranan penting sebagai ra- kyat strategik dalam me- majukan sektor perikanan dan akuakultur negara.

"Kerjasama ini sudah meningkatkan keupayaan teknikal, merangsang ino-

vasi serta mengangkat pro- fil Malaysia sebagai pene- raju global dalam sektor makanan akuatik," kata- nya.

Jabatan berkenaan me- maklumkan antara kejaya- an utama hasil kerjasama itu ialah projek *Genetic Im- provement of Farmed Tilapia* (Gift) yang meletakkan ne- gara sebagai hab global bagi spesies ikan berkenaan.

"Inisiatif ini meningkat- kan daya tahan dan pro- duktiviti ikan tilapia serta menyumbang kepada kese- lamatan makanan negara

dan menyokong Matlamat Pembangunan Mampan 2: Sifar Kelaparan," katanya.

Kenyataan itu menjelas- kan Jabatan Perikanan ko- mited untuk memperku- kuh kerjasama strategik bersama WorldFish mela- lui penerapan teknologi ba- has hari, pembangunan spe- sies ikan yang lebih berdaya tahan, pemertasaan komu- niti perikanan serta pengu- saha berskala kecil dan pe- luasan amalan akuakultur mampan yang selari de- ngan dasar serta amalan terbaik antarabangsa.

"Purata penggunaan ikan per kapita rakyat Malaysia ialah 44.7 kilogram (kg) setahun, jauh melebihi purata global sebanyak 19 kilogram (kg)"

Kenyataan Jabatan Perikanan Malaysia

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2025	THE SUN	NATIONAL	4

Bountiful yields from marine fisheries in 2024

PUTRAJAYA: Malaysia's marine fisheries production reached 1.42 million metric tonnes last year, supported by 112,344 marine fishermen, while aquaculture yielded 510,315 metric tonnes from 20,557 farmers.

The Fisheries Department said 9,565 inland fishermen contributed 7,497 metric tonnes last year.

It also said the overall fisheries industry contributed 0.7% to Malaysia's GDP, with total production reaching 1.94 million metric tonnes and valued at RM17.9 billion.

"Malaysians consume an average of 44.7kg of fish per person annually, more than double the global average of 19kg," it added.

The country's fish self-sufficiency rate stood at a high 90.7%, underscoring fish as the primary source of animal protein in the Malaysian diet.

In a statement marking the 25th anniversary of its collaboration with WorldFish, the department said the partnership has enhanced technical expertise, driven innovation and bolstered Malaysia's position as a global leader in the aquatic food sector.

"Among the major milestones of this collaboration is the implementation of the Genetic Improvement of Farmed Tilapia project, which has positioned Malaysia as a global hub for the species," it said.

The initiative has enhanced the resilience and productivity of tilapia, contributing to national food security and aligning with Sustainable Development Goal Two: Zero Hunger.

— Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2025	HARIAN METRO	LOKAL	7

Kemarau tak jejas tanaman di Kelantan

Kota Bharu: Tiada tanaman dilaporkan terjejas di Kelantan setakat ini walaupun beberapa daerah dilanda kemarau.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi negeri, Datuk Tuan Mohd Saripuddin Tuan Ismail berkata, kemarau yang berlaku ketika ini ma-

sih di peringkat awal dan tidak terlalu teruk.

Namun katanya, pihaknya juga sudah membuat persiapan awal dengan menyediakan pam-pam bergerak berkuasa tinggi.

"Setakat ini pihak kami belum menerima laporan daripada pesawah yang terjejas disebabkan cuaca

panas berikutan kebanyakan kawasan tanaman padi sudah pun dituai.

"Padi musim pertama sudah dituai awal iaitu pada bulan Mei dan Jun di mana penuaian hampir tamat, namun masih ada sedikit lagi yang belum dituai dan pada tahun ini sebahagian besarnya boleh di-

ambil dengan baik.

"Sekarang ini pesawah dalam proses menanam padi dan air Sungai Kelantan masih lagi boleh disedut oleh pam Kemubu, jadi proses penanaman berjalan dengan baik selain tidak ada aduan mengenai bekalan air tidak mencukupi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Harga lembu kekal beri kelegaan sambut Aidiladha

ALOR SETAR: Harga lembu untuk ibadah korban di Kedah kekal seperti tahun lalu, sekali gus memberi kelegaan kepada umat Islam di negeri ini yang menyambut Hari Raya Aidiladha, Sabtu ini.

Sebuah ladang ternakan di Changlun, Fatimah Mz Agro Farm Sdn. Bhd. menetapkan harga lembu untuk ibadah itu bermula antara RM4,800 hingga RM6,200 seekor mengikut berat.

Pengarah Urusannya, Zainol Abidin Mohamad berkata, sebagai contoh harga bagi lembu bersaiz 180 kilogram (kg) hingga 230kg antara RM4,800 hingga RM5,250.

“Bagi lembu seberat 230kg ke 250kg, harga yang ditawarkan bagi setiap ekor adalah antara RM5,300 hingga RM5,500 manakala lembu bersaiz antara 250kg ke 280kg pula berharga RM5,500 ke RM5,800.

“Sementara lembu bersaiz 300kg ke 350kg berharga RM5,800 hingga RM6,200. Kesemua harga ini adalah sama seperti tahun lalu dan

kami menawarkan sebanyak 200 ekor lembu tahun ini untuk menampung permintaan,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Katanya, ladangnya turut menawarkan dua ekor lembu baka Brahman bersaiz gergasi dengan berat mencecah satu tan setiap seekor sempena ibadah korban tahun ini.

Katanya, tawaran lembu bersaiz luar biasa itu bukan sesuatu yang baharu kerana pihaknya menyediakan lembu besar setiap tahun.

Sementara itu di Langkawi, sebuah surau yang merancang untuk melaksanakan ibadah korban sempena Hari Raya Aidiladha tahun ini turut menerima harga yang sama seperti tahun lalu daripada pembekal.

Pengerusi Surau Jannatul Firdaus, Ridwan Ramli berkata, lima ekor lembu yang ditempah pihaknya pada harga antara RM5,900 ke RM6,300.

“Kami boleh menawarkan harga kepada ingin menyertai korban sebanyak RM850 ke RM900 setiap bahagian,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2025	THE STAR	NATION	8



Turtle-y awesome: Visitors, especially children, enjoying the experience of releasing turtle hatchlings into the sea at Pantai Chakar Hutan, Kertih in Kemaman. — Bernama

Over 60 turtles released into the sea

CHUKAI: This school holiday turned out to be a highly memorable one for a group of children as they were given the opportunity to release turtle hatchlings to the sea.

Organised by the Marine Conservation and Research Organisation Malaysia (Pulihara), the

organisation used to conduct its activities under the umbrella of the Lang Tengah Turtle Watch.

The event at Pantai Chakar Hutan, Kertih, Terengganu, saw the release of 63 turtles back to nature, with the participants also given a briefing on the lifecycle of turtles and their role in the

marine ecosystem.

In the Bernama report, the Terengganu Fisheries Department was said to have recorded 20 cases of green turtle or penyu agar (*Chelonia mydas*) deaths in the first quarter of this year, underscoring the severity of the situation.

Lonjakan kes undang
resah meskipun risiko
jangkitan antara manusia
masih rendah

LONDON

H5N1, H5N6 dan H7N9 dikelaskan sebagai virus selesema burung paling patogenik (HPAIV) tergolong dalam genus influenza A. Peningkatan kes sejak akhir-akhir ini mencetuskan kebimbangan jika virus itu berpotensi mencetuskan pandemik global seterusnya.

H5N1 pertama kali dikenal pasti di Scotland pada 1959 dan kes pertama melibatkan jangkitan manusia dilaporkan di Hong Kong selepas tempoh kira-kira empat dekad.

Antara 2003 dan 2023, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendokumentasikan sebanyak 878 kes jangkitan H5N1 pada manusia, dengan 458 kematian direkodkan di 23 negara.

Penularan virus itu biasanya berlaku melalui kontak rapat dengan burung dijangkiti atau persekitaran yang tercemar.

Jangkitan daripada manusia kepada manusia dikatakan jarang berlaku, namun keupayaan H5N1 menjangkiti mamalia termasuk kucing, anjing dan singa laut telah mengundang tentang potensi virus itu berevolusi.

Penyebaran berterusan dalam kalangan populasi burung liar dan domestik di seluruh dunia, di samping jangkitan ke atas manusia yang berlaku sekali-sekala menunjukkan selesema burung adalah ancaman kepada kesihatan global.

Antara Disember 2024 dan Mac 2025, HPAIV telah merebak di 31 negara dengan 743 kes dikesan pada burung (ternakan ayam dan itik serta spesies liar) yang sebahagian besarnya melibatkan subjenis H5N1.

Penularan H5N1 dalam kalangan mamalia pula membabitkan kucing domestik dan karnivor liar di Eropah serta di hampir 1,000 ladang ternakan lembu tenusu di 17 negeri Amerika Syarikat (AS).

Analisis genetik baru-baru ini mengenal pasti genotip berbeza H5N1, D1.1



Selesema burung, ancaman pandemik seterusnya?

pada ternakan lembu di Washington yang mencetuskan kebimbangan tentang potensi evolusi virus setelah 22 kes baharu direkodkan melibatkan pekerja di ladang ternakan lembu di negara itu pada tahun lalu.

Potensi virus bermutasi

Susulan ancaman yang kian meningkat, pihak berkuasa kesihatan global termasuk WHO bersama Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) mula

menyuarakan kekusaran jika virus itu bermutasi, sekali gus menyebabkan penularan avian influenza lebih meluas.

Risiko penyebaran daripada manusia kepada manusia kekal rendah dan jarang berlaku kerana ia tidak 'serasi' dengan perumah (manusia) tetapi pengawasan secara berterusan perlu dilakukan dan langkah berjaga-jaga kekal kritikal kerana penularan pantas serta keupayaannya melangkaui spesies.

Vaksin influenza manusia sedia ada menawarkan perlindungan terhad terhadap strain seperti H5N1 atau H7N9.

Oleh itu, komuniti perubatan perlu melabur dalam penyelidikan dan penghasilan vaksin khusus sebagai persediaan jika ia mencetuskan pandemik baharu selepas


Covid-19.

Difahamkan, kebanyakan negara dilengkapi sistem pemantauan untuk mengesan virus selesema burung, namun ia tidak dapat mengenal pasti wabak tidak dijangka atau situasi luar biasa.

Kebanyakan strain H5N1 juga dikatakan sensitif kepada ubat antiviral seperti oseltamivir.

Garis panduan tentang cara rawatannya masih terhad, selain bukti kajian yang terhad.

Sebahagian besar negara membangun juga berdepan kekurangan kapasiti makmal, selain kakitangan terlatih diperlukan bagi diagnos yang tepat sebagai persediaan menghadapi ancaman pada masa depan. - Agensi



Strain H5N1 dilaporkan turut menjangkiti lembu tenusu di AS.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	9

Cuaca panas luar biasa di Machang, Kuala Krai

Keadaan air keruh seperti karat jejasakan urusan harian penduduk

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Hazira Ahmad Zaidi
bhnews@bh.com.my

Machang: "Cuaca memang panas luar biasa sejak beberapa hari lalu sehingga waktu malam pun terpaksa mandi beberapa kali," kata Syahman Kamaruddin, dari Kampung Labok, di sini.

"Machang dan Kuala Krai adalah dua daerah di Kelantan yang merekodkan suhu maksimum harian sehingga 37 darjah Celsius.

Syahman, 44, berkata, dalam keadaan cuaca panas, bekalan air pula keruh menyebabkan kegiatan harian mereka sekeluarga terjejas.

"Rumah ayah saya di Machang dan rumah saya pula di Pasir Mas. Cuaca panas memang sudah biasa, namun untuk di Machang, cuaca panas sejak beberapa hari ini agak luar biasa.

"Keadaan itu menyebabkan kami sekeluarga terpaksa mandi beberapa kali hingga sebelum tidur, tetapi melihat keadaan air keruh seperti karat, ia menjejaskan urusan harian kami.

"Masalah air keruh ini sudah lama, namun dengan keadaan cuaca panas yang memerlukan penggunaan banyak air, ia sangat mengganggu kegiatan kami.



Yusrina bersama bapanya, Che Kamaruddin Ibrahim menunjukkan bekalan air yang keruh ditambah cuaca panas luar biasa ketika ditemui di rumahnya di Kampung Labok, Machang. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

"Kita juga berharap kerajaan negeri bersiap sedia dengan cuaca panas ini dengan memastikan bekalan air mencukupi terutama ketika Aidiladha nanti," katanya ketika dihubungi.

Tiada tanaman terjejas

Sementara itu EXCO Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Kelantan, Datuk Tuan Mohd Saripuddin Tuan Ismail, berkata proses tanaman di Kelantan berjalan dengan baik dan setakat ini tiada tanaman dilaporkan terjejas walaupun ada beberapa daerah dilanda kemarau.

Katanya, kemarau ketika ini

masih di peringkat awal dan tidak terlalu teruk, namun pihaknya sudah membuat persiapan awal dengan menyediakan pam bergerak berkuasa tinggi.

"Sekarang pesawah dalam proses menanam padi dan air Sungai Kelantan masih boleh disedut oleh pam. Jadi, proses penanaman boleh berjalan dengan baik, selain tidak ada aduan mengenai bekalan air yang tidak mencukupi," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, Kelantan dilanda kemarau dua tahun berturut-turut dan setiap tahun kerajaan negeri sentiasa membuat penambahbaikan dengan

membina lebih banyak telaga tiub serta mengagihkan pam bergerak.

"Tahun lalu, telaga tiub dibina di lebih 100 tempat yang masih boleh berfungsi untuk berhadapan kemarau, di samping air Sungai Kelantan juga boleh disedut dan tidak terlalu cetek.

"Walaupun cuaca panas, bekalan air di empangan berada pada paras terkawal dan tidak menjejaskan kawasan penanaman padi. Pam KEMUBU sekarang sedang berjalan dan air dapat disedut untuk sampai di seluruh kawasan tanaman padi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/6/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	9

Penduduk Orang Asli Gua Musang terima bantuan beras

Gua Musang: Kira-kira 2,000 penduduk Orang Asli di pedalaman daerah ini menerima bantuan 10 tan beras bagi membantu mereka yang terkesan dengan cuaca panas akibat Monsun Barat Daya, sejak bulan lalu.

Bantuan daripada Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Nenggiri itu diagihkan kepada 608 ketua isi rumah bermula Mei, memandangkan cuaca panas mengehendkan kegiatan harian penduduk, termasuk bertani, selain turut menyebabkan tanaman kurang menjadi.

Orang Asli suku Temiar, Lenoi Ranggas, 23, berterima kasih dengan sumbangan itu kerana amat membantu penduduk, terutama kepada mereka yang bekerja sebagai penoreh getah.

“Cuaca panas menyebabkan susu getah tidak banyak. Ada juga hari yang kami tidak keluar menoreh disebabkan cuaca terlalu terik. Bila tidak menoreh, tiada duit untuk membeli barang dapur,” katanya ketika ditemui di Kampung Berim Baru, di sini semalam.

Sementara itu, Pandak Andak, 84, berkata sumbangan itu amat bermakna buat penduduk yang buntu mendapatkan sumber makanan ketika ini.

“Sebagai penduduk di kawasan pedalaman, kami banyak bergantung hasil tanaman dan hutan. Kami berdepan kekurangan sumber makanan pada musim panas.

“Tambahan pula, ancaman haiwan liar semakin ketara di kawasan penempatan membuatkan kami terpaksa mengehendkan berburu di hutan berdekatan,” katanya.